

Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Tanggungjawab Pelaksanaan Etika Profesional Perguruan

Azhar Muhammad & Nor Syakirah Binti Samsuni
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dilakukan bertujuan mengetahui persepsi guru Pendidikan Islam terhadap tanggungjawab pelaksanaan etika profesion perguruan. Seramai 62 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan daerah Johor Bahru. Borang soal selidik ini mengandungi 44 soalan berdasarkan objektif kajian iaitu dari aspek profesion dan rakan sejawat, pelajar dan ibu bapa serta masyarakat dan negara. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah $\alpha = 0.946$. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences for windows version 13.0 (SPSS)* dan dipersembahkan secara deskriptif menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan min. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa aspek profesion dan rakan sejawat berada pada tahap tinggi iaitu pada nilai min 4.43 diikuti dengan aspek pelajar dan ibu bapa ialah 4.15 dan aspek masyarakat dan negara ialah 4.08. Oleh yang demikian, beberapa cadangan turut dikemukakan.

Katakunci : persepsi guru pendidikan Islam, etika profesion perguruan

Pengenalan

Nilai dan etika sangat penting untuk mencapai pembangunan serta kemajuan pentadbiran negara. Nilai dan etika menjadi asas dan pegangan dalam tingkah laku penjawat-penjawat awam. Tanpa nilai dan etika, penjawat-penjawat awam akan bertindak mengikut perasaan dan terlibat dalam amalan pengurusan yang tidak sihat.

Guru yang beretika menunjukkan guru yang bersistematis dan berdisiplin dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan. Oleh itu, dengan adanya etika para guru berupaya mengawal tingkah laku mereka dan dapat memberikan komitmen yang jitu kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Menurut Atan Long (1984: 60), kepentingan peranan guru itu memang tidak dapat dinafikan kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini melalui pendidikan yang diberikan oleh guru. Tidak ketinggalan juga guru yang mengajar dalam Pendidikan Islam iaitu guru Pendidikan Islam perlu melaksanakan tugas yang sama seperti mana guru lain dalam mendidik para pelajar, tanggungjawab kepada rakan sejawat, masyarakat dan negara. Maka menyampaikan ilmu secara sukarela dan ikhlas semata-mata kerana Allah merupakan jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam seperti mana yang dituntut dalam syariat Islam, firman-Nya:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّنَا بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik*”.

(Surah al-Nahl, 16: 125)

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini adalah di kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) untuk meninjau sejauh mana persepsi mereka terhadap tanggungjawab pelaksanaan EPP pada hari ini.

Pernyataan Masalah

Sejak akhir-akhir ini masyarakat dikejutkan dengan beberapa berita yang membicarakan tentang pandangan dan komen pihak ibu bapa ke atas guru Pendidikan Islam yang kurang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan terhadap mereka antaranya berkaitan penglibatan guru Pendidikan Islam dalam ko-kurikulum, guru Pendidikan Islam yang kurang berdisiplin, tidak berakhhlak mulia, ponteng mengajar dan sebagainya. Walaupun hanya segelintir daripada mereka ini telah melanggar EPP yang sepatutnya menjadi pegangan dan ikutan dalam profesi perguruan. Hal ini menyebabkan masyarakat dan ibu bapa memandang serong terhadap guru Pendidikan Islam yang terlibat dalam permasalahan tersebut. Malah tanggapan ibu bapa dan masyarakat kemungkinan akan turut terpalit ke atas guru Pendidikan Islam yang tidak terlibat dalam masalah ini. Implikasi permasalahan ini bukan hanya tertumpu kepada guru Pendidikan Islam yang terbabit semata-mata, namun dikhawatiri kesannya akan berpindah kepadapelajar dan akan menjadi ikutan para pelajar.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetahui dan memastikan sama ada GPI turut terlibat dalam permasalahan ini atau tidak dan adakah GPI bertanggungjawab dalam melaksanakan EPP sepanjang bergelar seorang guru.

Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti persepsi berkenaan aspek komitmen dan tanggungjawab GPI terhadap EPP dari segi pelaksanaannya. Manakala secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek profesion dan rakan sejawat.
- ii. Mengenal pasti persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek pelajar dan ibu bapa.
- iii. Mengenal pasti persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek masyarakat dan negara.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini penting kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan EPP kepada pelbagai pihak. Dapatkan ini berupaya membantu pihak tertentu dalam menambahbaik lagi pelaksanaan EPP terhadap guru-guru dari tiga aspek iaitu aspek profesion dan rakan sejawat, pelajar dan ibu bapa serta masyarakat dan negara.

Kepentingan kajian kepada bakal guru Pendidikan Islam

Dapatkan kajian ini akan memberi jawapan sebenar terhadap tanggapan masyarakat selama ini tentang tanggungjawab para pendidik sama ada telah longgar atau kurang dipraktikkan dengan sebetul-betulnya. Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu para pengkaji lain pada masa

akan datang yang berminat untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkaitan tentang EPP di kalangan guru.

Kepentingan kajian kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

Diharap kajian ini dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menangani masalah guru dalam tanggungjawab melaksanakan EPP. Malah berupaya untuk merancang pelbagai program yang dapat memberi kesedaran kepada guru-guru dalam menjalani tanggungjawab melaksanakan EPP. Ia bersesuaian dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan untuk memartabatkan profesi perguruan.

Kepentingan kajian kepada pihak universiti

Dapatkan kajian ini dapat membantu pihak universiti memperbanyakkan lagi program menerapkan berkenaan dengan aspek nilai dan moral mahasiswa dalam bidang perguruan agar mereka dapat memainkan peranan dengan penuh rasa tanggungjawab ketika menjawat jawatan sebagai seorang guru di sekolah. Keberhasilan ini berupaya mencerminkan bahawa pihak universiti akan membuat suatu anjakan paradigma dalam menghasilkan graduan yang mempunyai nilai-nilai etika yang cemerlang.

Kepentingan kajian kepada masyarakat dan ibu bapa

Kajian ini penting kepada masyarakat dan ibu bapa, agar mereka dapat menilai dan mendapat jawapan kepada persoalan adakah guru tidak menjalankan tanggungjawab sepertimana yang tercatat di dalam EPP atau kenyataan yang telah dipaparkan di akhbar itu sebagai batu loncatan kepada pihak ibu bapa dan masyarakat terhadap guru.

Kepentingan kajian kepada para penyelidik

Diharap kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para penyelidik seterusnya dalam membuat kajian lanjutan berkaitan pelaksanaan etika dalam kalangan guru. Ia juga memberikan satu peluang kepada penyelidik untuk melihat secara lebih terperinci mengenai permasalahan etika di kalangan guru.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif iaitu kajian secara tinjauan. Menurut Cohen dan Manion dalam Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 46) tinjauan ialah mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja, selalunya menggunakan set soal selidik. Oleh itu, pengkaji memilih untuk mengedarkan set borang soal selidik kepada setiap responden bagi memperolehi maklum balas dengan mudah.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada GPI yang mengajar di sekolah kebangsaan sekitar daerah Johor Bahru berjumlah 208 orang guru. Kajian ini mengambil 30% daripada populasi sebagai sampel kajian menurut (Blum dan Foos, 1986; Cohen dan Manion, 1989; Kerlinger, 1986 dan Black, 1993 dalam Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999: 38). Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 86) terdapat empat kaedah utama dalam membuat persampelan iaitu persampelan rawak mudah, persampelan rawak berlapis, persampelan berkelompok dan persampelan sistematik. Kaedah persampelan ini dipilih mengikut kesesuaian kajian. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji memilih persampelan berkelompok iaitu sampel kajian mewakili seorang guru bagi setiap sekolah yang dikaji.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan set soal selidik yang akan diedarkan ke atas setiap responden. Set soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden.

Manakala bahagian B berkaitan dengan objektif kajian iaitu tentang tanggungjawab GPI terhadap profesi dan rakan sejawat, tanggungjawab GPI terhadap pelajar dan ibu bapa dan tanggungjawab GPI terhadap masyarakat dan negara. Terdapat 44 soalan yang dikemukakan kepada responden dalam bahagian ini. Soal selidik ini dibina dan diubah suai berdasarkan soal selidik yang digunakan oleh Afida Saduri (2002). Menurut Mohd Najib (1999: 56) pengkaji boleh membina sendiri skala kajiannya. Oleh itu, pengkaji membina soal selidik yang berasaskan kepada skala likert dan ianya dipilih kerana mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Skala pemeringkatan likert 1 hingga 5 digunakan oleh responden dalam membuat pilihan jawapan dengan hanya membulatkan jawapan yang dipilih pada nombor likert.

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan sebelum melakukan kajian sebenar. Melalui kajian rintis ini, pengkaji berpeluang untuk memperbaiki soalan yang kurang sesuai dengan menambahkan soalan yang bersesuaian. Pengkaji perlu melihat dahulu tahap kebolehpercayaan item set soal selidik sebelum melakukan kajian sebenar. Menurut Mohd Najib (1999: 74) tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima dalam membina set soal selidik ialah 0.8 ke atas. Manakala saiz sampel untuk kajian rintis memadai 6 hingga 10 orang sahaja serta mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kumpulan sebenar yang digunakan dalam penyelidikan (Mohd Najib, 1999). Berdasarkan kenyataan Mohd Najib (1999), pengkaji telah memilih seramai 10 orang dalam kajian rintis ini. Oleh itu, pengkaji memilih dua buah sekolah untuk melaksanakan kajian rintis ini iaitu Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor Bahru dan Sekolah Kebangsaan Taman Sri Pulai, Johor Bahru. Hasil dapatan dari kajian rintis yang dilaksanakan memperoleh nilai alpha bernilai 0.946.

Analisis Keseluruhan

Bil	Perkara	Min
1	Profesi dan Rakan Sejawat	4.43
2	Pelajar dan Ibu Bapa	4.15
3	Masyarakat dan Negara	4.08
Jumlah min		4.22

Jadual 1 : Min keseluruhan persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap tanggungjawab pelaksanaan EPP

Berdasarkan jadual 1 mendapati persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek profesion dan rakan sejawat merupakan persepsi yang paling tinggi dalam pelaksanaan EPP iaitu dengan nilai purata min ialah 4.43. Seterusnya diikuti dengan persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek pelajar dan ibu bapa sebanyak 4.15. Manakala bagi persepsi GPI terhadap tanggungjawab mengamalkan EPP dari aspek masyarakat dan negara nilai purata min sebanyak 4.08. Nilai purata min bagi ketiga-tiga persepsi ini ialah 4.22. Secara keseluruhannya perolehan ketiga-tiga min menunjukkan dapatan yang tinggi.

Perbincangan

Kajian yang dilakukan ini melihat dari sudut persepsi guru pendidikan Islam terhadap tanggungjawab pelaksanaan etika profesi perguruan melalui tiga persoalan objektif yang telah dinyatakan seperti mana dalam bab 1 kajian ini. Secara keseluruhannya pengkaji mendapati responden memberikan persetujuan yang positif iaitu:

- i) GPI sentiasa memberi komitmen terhadap profesion dan rakan sejawat dari segi sifat dedikasi yang ditonjolkan, sifat bekerjasama, tanggungjawab, kejujuran, berdisiplin, daya inovasi, cintakan ilmu dan sisipkan nilai kasih sayang.
- ii) GPI menjalankan sepenuh amanah yang diberikan dengan menitipkan sifat dedikasi, daya inovasi, tegas dan prihatin turut ditonjolkan. Walau bagaimanapun, GPI masih lagi kurang menunjukkan sifat kemesraan terhadap ibu bapa dalam menyatakan cara bagaimana untuk mempertingkatkan prestasi pelajar.
- iii) GPI dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat dan Negara dengan memberikan kerjasama apabila diperlukan dan sentiasa bersifat ringan tulang untuk membantu. Di samping turut memperlihatkan sifat dedikasi dalam kalangan penduduk setempat, nilai kasih sayang serta tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati aspek yang paling dititikberatkan tanggungjawab responden ialah terhadap profesion dan rakan sejawat diikuti dengan aspek pelajar dan ibu bapa serta masyarakat dan negara.

Rujukan

- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan Di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fakarudin Abdullah (1999). *Pengamalan Etika Profesional Perguruan di Kalangan Guru di sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan di Daerah Kluang, Johor Darul Ta'zim*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Foo Say Fooi (2005). *Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hussin Sarju (1999). *Amalan Etika Profesional Perguruan di Kalangan Guru-guru Satu Kajian Awal di Sekolah Menengah Sains, Kota Tinggi , Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd.Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Omardin Ashaari (1998). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shukri Ahmad, Razali Mat Zin (2001). *Adab & Etika Kerja Dalam Organisasi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Rosli Mamat (2000). *Amalan Etika Perguruan Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Sufean Hussin (2002). *Inovasi Dasar Pendidikan Perspektif Sistem dan Organisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Uma Sekaran (2003). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley and Son.
- Yusuf Al-Qaradhawi (2002). *Fiqih Praktis Bagi Kehidupan Moden*. Jakarta: Gema Insani.
- Zainudin Masrom (1999). *Amalan Etika Profesional Perguruan di Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kulai Johor. Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.